

BENTENG pemecah ombak siap dibina di sepanjang pantai Kampung Tanjung Gelam, Mengabang Telipot.



KERJA-KERJA penyelenggaraan dilakukan di Pantai Laguna, Gong Batu, Setiu.



KEADAAN Pusat Akuatrop milik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) musnah.



RM13 JUTA TAHAN OMBAK

■ Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar laksana projek mencegah hakisan pantai di lima lokasi darurat

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my
Kuala Nerus

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memperuntukkan RM13 juta bagi pelaksanaan projek mencegah hakisan pantai di Terengganu di bawah kerja darurat.

Menterinya, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, lima lokasi dikenal pasti ialah Pantai Tanjung Gelam, di sini, membabitkan peruntukan RM3 juta, Teluk Lipat, Dungun (RM3.5 juta), Rusila, Marang (RM3 juta), Bukit Keluang, Besut (RM1.5 juta) dan Kemasik, Kemaman (RM2 juta).

Katanya, kementerian turut meluluskan RMI juta bagi projek pengawalan hakisan Pantai Kundur, Kota Bharu dan semua projek dijangka siap dalam tempoh enam bulan sebelum tiba musim tengkujuh.

"Pembinaan benteng pemecah ombak contohnya di Pantai Tok Jembal, di sini, mampu memerangkap pasir dan menjadikan kawasan itu seperti pulau.

"Bagaimanapun, sekiranya ia masih tidak mampu membendung masalah hakisan, kementerian akan mengkaji

balik kaedah lain yang boleh diguna pakai," katanya ketika melakukan lawatan kerja ke Terengganu dan meninjau kerja penambakan Pantai Tok Jembal, di sini, semalam.

Pantai Tok Jembal yang menjadi satu destinasi domestik popular dalam kalangan penduduk setempat dan pelancong berdepan ancaman hakisan serius sejak beberapa tahun lalu.

Akibat hakisan berterusan, pantai berkenaan semakin hilang identiti dan mengakibatkan pengunjung berkurangan berbanding sebelum ini terutamanya pada hujung minggu dan musim cuti.


Pantai yang sebelum ini menjadi tumpuan berikutan pasir yang memutih kini dipenuhi bongkah batu yang menyukarkan pengunjung beriadah terutama melakukan aktiviti di air.

Hakisan juga mengakibatkan kemudahan awam rosak dan lebih malang Universiti Malaysia Terengganu (UMT) turut menerima kesannya berikutan berada di kawasan terbabit.

Sebelum ini, sebahagian jalan di pesisir pantai itu boleh dilalui pelbagai kenderaan namun akibat hakisan yang berlaku ia sudah tidak dapat digunakan lagi.

FAKTA

Lima lokasi projek ialah Pantai Tanjung, Teluk Lipat, Rusila, Bukit Keluang, dan Kemasik



WAN Junaidi (tiga kanan) ketika melawat tempat hakisan di Pantai Laguna, Gong Batu, Setiu.